

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/9/2008

Tambat semula ringgit – Dr. M

SINTOK 20 Sept. – Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya sistem tambatan ringgit dilaksanakan semula bagi mengurangkan impak kejatuhan nilai dolar Amerika Syarikat (AS) terhadap mata wang negara.

Beliau berkata, nilai mata wang AS yang semakin menyusut akhir-akhir ini, akan memberikan kesan buruk kepada ekonomi negara.

“Kita tidak boleh terus membiarkan ringgit diapungkan di pasaran dunia kerana nilai dolar yang terus jatuh akan merugikan negara kita.

“Kita tidak boleh mengikut langkah negara lain yang membiarkan mata

wang mereka terus diapungkan di pasaran dunia kerana kita mempunyai upaya dan simpanan yang mencukupi untuk melakukannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Pembangunan Institut Pengajian Tinggi Peringkat Kebangsaan di Executive Development Centre (EDC), Universiti Utara Malaysia di sini hari ini.

Pada 1997, kadar tukaran ringgit ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap dolar AS, sebagai langkah mengawal tukaran asing berpilih bagi mengelakkan ekonomi negara terus meleset.